



Ketahuiilah, jangan-jangan akan ada seorang lelaki yang sampai kepadanya hadis daripadaku, sedang dia bersandar di atas kerusi empuknya, lalu berkata: “Pegangan antara kami dan kamu ialah Kitabullah

Daripada Al-Miqdām bin Ma’dī Karib رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: «Ketahuiilah, jangan-jangan akan ada seorang lelaki yang sampai kepadanya hadis daripadaku, sedang dia bersandar di atas kerusi empuknya, lalu berkata: “Pegangan antara kami dan kamu ialah Kitabullah, apa sahaja yang kami dapati halal di dalamnya, kami halalkannya, dan apa sahaja yang kami dapati haram di dalamnya, kami haramkannya.” Dan sesungguhnya apa yang diharamkan oleh Rasulullah ﷺ adalah sama seperti apa yang diharamkan oleh Allah».

[صحيح] [رواه أبو داود والترمذي وابن ماجه]

Nabi ﷺ memberitahu bahawa telah hampir suatu zaman yang mana akan ada segolongan manusia; salah seorang daripada mereka bersandar di atas hamparannya, lalu sampai kepadanya hadis daripada Nabi ﷺ, maka dia berkata: Yang menjadi pemutus antara kami dengan kamu dalam segala urusan ialah al-Quran al-Karim, maka ia sudah mencukupi bagi kami. Apa yang kami dapati halal di dalamnya, kami beramal dengannya, dan apa yang kami dapati haram di dalamnya, kami menjauhinya. Kemudian Nabi صلى الله عليه وسلم menjelaskan bahawa setiap perkara yang baginda haramkan atau larang dalam sunnahnya, maka hukumnya adalah sama seperti apa yang diharamkan oleh Allah di dalam Kitab-Nya; kerana baginda ialah penyampai daripada Tuhannya.

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65005>

